

Isnin, Apr 09 2018

GST berjaya kurangkan kebergantungan hasil minyak

BH 9/4

➔ Sistem perluas kutipan cukai tingkat pendapatan, jimat belanja negara

Oleh Ibrahim Isa
ibrahim_isa@nstp.com.my

✦ Johor Bahru

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjaya mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil jualan minyak dan gas sebanyak 15 peratus.

Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata 30 tahun lalu, kajian mendapati rizab minyak dan gas hanya mampu bertahan sehingga 20 tahun.

"Bagaimanapun disebabkan GST, kita dapat mengurangkan pe-

ngeluaran minyak dan menjimatkan rizab.

"Walaupun memperkenalkan GST, kerajaan mengambil langkah pengimbangan dengan mengurangkan cukai individu, korporat, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas berucap pada Majlis Agenda Ekonomi Negara Pasca PRU-14 di Kompleks Tan Sri Mohamed Rahmat di sini, malam kelmarin.

Abdul Wahid yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata, GST di Malaysia se-

banyak enam peratus adalah paling rendah berbanding negara lain di ASEAN dan dunia.

Tingkat pendapatan

Katanya, kerajaan tidak perlu menaikkan GST, sebaliknya boleh menambah pendapatan menerusi cukai lain.

"Saya yakin mereka (kerajaan) mempunyai perancangan masa panjang tersendiri, tetapi jika keadaan ketika itu memerlukan, jika benar-benar memerlukan saya berpendapat mereka boleh menaikkan cukai lain.

"Tidak semestinya GST, sebaliknya banyak cukai lain yang boleh difikirkan," katanya.



[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH]

Abdul Wahid (tengah) bersama peserta pada majlis Agenda Ekonomi Negara Pasca PRU-14, di Johor Bahru, baru-baru ini.



Saya yakin kerajaan ada perancangan masa panjang tersendiri tetapi jika keadaan ketika itu memerlukan saya berpendapat mereka boleh menaikkan cukai lain"

Abdul Wahid Omar,
Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Beliau berkata, pada 2009 defisit fiskal negara daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.4 peratus, namun selepas pengenalan GST pada 2015, ia mencatat penurunan sehingga 3.2 peratus.

Tahun lalu, katanya, defisit fiskal ialah tiga peratus dan dijangka berkurangan kepada 2.8 peratus tahun ini menerusi perbelanjaan berhemah.

"GST dapat meningkatkan pendapatan sekali gus menjimatkan perbelanjaan negara. Sebelum ini, hanya kira-kira dua juta penduduk membayar cukai, namun dengan pengenalan GST, ia melebarkan kutipan cukai," katanya.